

Headline	Melestari ekonomi ummah		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	09 Jan 2014	Circulation	138,805
Section	Nasional	Readership	1,048,000
Page No	5	ArticleSize	755 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 25,463
Journalist	N/A	PR Value	RM 76,389
Frequency	Daily		



Melestari ekonomi ummah

» TH ceburi pelbagai sektor pelaburan berpotensi tinggi

Sinonim namanya Lembaga Tabung Haji (TH), perkhidmatan dan pengurusan haji adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Malah penjenamaan ini kekal utuh di minda umat Islam. Selari 50 tahun usianya, skop dan peranan TH turut berubah, namun haji dan tabungan masih menjadi antara aktiviti teras.

Menyambut ulang tahun jubli emas pada suku tahun ketiga tahun lalu, TH membuktikan kelestariannya dalam menawarkan perkhidmatan pengurusan haji dan tabungan berkualiti serta cemerlang. Pada masa sama menjadi tonggak memperkasakan ekonomi umat Islam di negara ini melalui pelbagai cabang aktiviti ekonomi.

Pembabitan aktif TH dalam sektor ekonomi lain bukan sesuatu yang baru. Namun, tidak banyak pendedahan diberikan sebelum ini membuatkan banyak pihak tidak menyadarinya.

TH adalah satu-satunya syarikat pelaburan dimiliki secara kolektif oleh umat Islam. Penubuhannya selain membantu umat Islam menabung secara sistematis bagi menuaikan haji, ia juga untuk memastikan umat Islam negara ini mampu berdaya saing dalam bidang ekonomi berpotensi tinggi.

Pelaburan

Menyedari peranannya mengukuh dan melestarikan ekonomi ummah, langkah demi langkah strategik disusun bagi memastikan TH terus kukuh dalam arus perdana ekonomi semasa. Transformasi perniagaan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan tuntas, bukan sekadar pengurusan operasi haji dan tabungan konvensional. TH kini mengembangkan pelaburan dalam pelbagai sektor ekonomi berdaya maju dengan prinsip berlandaskan patuh syariah seperti:

- Sektor pengguna dan perkhidmatan;
- Produk perindustrian;
- Sektor perdagangan;
- Sektor pembangunan har-

tanah dan infrastruktur;

- Pembangunan harta tanah; dan
- Kewangan Islam

Pelaburan dalam sektor berkenaan dalam negara mahupun luar negara antara langkah strategik menjana pulangan bertenusan, kompetitif dan mampan pada masa hadapan. Pelaburan private equity TH pada tahun 2012 mencecah nilai melebihi RM650 juta dalam lima dana domestik dan tujuh luar negara dengan tumpuan pelaburan di Timur Tengah, Asia dan Malaysia. Manakala mandat ekuiti tercatat pada tahun sama melebihi RM425 juta untuk pasaran tempatan dan Asia Pasifik.

Mungkin ramai tidak mengetahui TH mencebur sektor perladangan seawal tahun 1970-an. Di bawah TH Plantations Berhad, TH memiliki ladang sawit dan getah melebihi 91,000 hektar di samping melabur dalam sektor perladangan di Indonesia dengan keluasan melebihi 127,000 hektar.

Di Malaysia, TH mempunyai 36 ladang sawit. Selain itu turut terbabit dalam aktiviti pengilangan serta perniagaan hiliran di Indonesia khususnya pengeluaran dan pembungkusan minyak masak untuk pasaran tempatan Indonesia dan antarabangsa. Sebanyak 16 kilang pemprosesan sawit beroperasi di Malaysia, Riau, Batam dan Kalimantan.

TH turut mengukuhkan kedudukan dalam sektor kewangan Islam merangkumi perkhidmatan perbankan Islam, takaful dan sekuriti.

BIMB Holdings Berhad anak syarikat TH, adalah pelopor industri kewangan Islam. Begitu juga dengan perkhidmatan takaful, melalui Takaful Malaysia yang juga peneraju perniagaan berkenaan dan menguasai pasaran Takaful Keluarga Kumpulan, Takaful Keluarga dan Takaful Am di Malaysia.

TH turut terbabit dalam sektor pembangunan harta tanah, pembinaan dan pengurusan projek serta pengurusan harta tanah dan kemudahan prasarana secara lang-

sung melalui TH Properties Sdn Bhd.

Pembangunan Bandar Enstek di Nilai, Negeri Sembilan seluas lebih 5,000 ekar menjadi mercu tanda kejayaan TH dalam sektor ini.

Antara projek TH Properties Sdn Bhd dalam sektor ini adalah:

- Pembinaan Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak;
- Kerja pembinaan jalan raya Terminal Penerangan Kos Rendah, KLIA;
- Pembinaan Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya;
- Projek Hotel dan Pusat Konvensyen Tabung Haji di KLIA;
- Pembinaan sehingga tahap pentadbiran dan pengurusan tujuh buah TH Hotel and Residence dan Kompleks Haji di seluruh negara;
- Penyelenggaraan Hospital Pusrawi dan Hotel Putra, Kuala Lumpur;
- Perkhidmatan pembersihan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur; serta
- Pemilikan dan pengurusan beberapa harta tanah dan bangunan strategik oleh Kumpulan TH di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Cyberjaya seperti Menara Bank Islam (Wakaf), Bangunan Platinum Park, Glomac Damansara, TH Selborn, TH Perdana, Bangunan Shell Cyberjaya, Bangunan Pasar raya Mydin di Subang Jaya dan Meru; Bangunan pejabat di KL Sentral dan Damansara Utama dan Hospital Columbia Asia di Seremban, Negeri Sembilan.

TH juga melakar sejarah tersendiri dengan pelaburan di United Kingdom, London melalui pemilikan tiga bangunan pejabat iaitu di 10 Queen Street Place, 151 Buckingham Palace Road dan Surrey pada tahun 2012 dan 2013. TH sentiasa memastikan pendaftaran sewaan dalam bidang harta tanah ini melebihi 95 peratus adalah patuh syariah.

Perkhidmatan hospitaliti

Antara industri rantai kepada operasi pengurusan haji yang

Headline	Melestari ekonomi ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	5	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	755 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,463
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,389

menjadi perhatian dan diceburi TH ialah perkhidmatan hospitaliti, pelancongan dan industri makanan halal.

TH Hotel and Residence dan TH Travel and Services Sdn Bhd adalah anak syarikat TH yang aktif menceburi bidang perkhidmatan berkenaan.

Kini, perkhidmatan hospitaliti sudah siap siaga untuk menawarkan kemudahannya melalui Rangkaian TH Hotel di Bayan Lepas, Pulau Pinang; Alor Setar, Kedah; Kelana Jaya, Selangor; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Kinabalu, Sabah.

TH Hotel and Residence juga bertanggungjawab menyelenggarakan urusan penyediaan makanan untuk jemaah di Tanah Suci di sepanjang musim haji dan kini mempunyai beberapa buah rangkaian kafetaria di Malaysia.

TH Travel and Services Sdn Bhd pula menawarkan perkhidmatan pelancongan dengan pakej yang menarik dan kompetitif,

Sejak pertumbuhan ekonomi negara mapan, TH turut terbabit dengan sektor berpotensi tinggi iaitu teknologi maklumat serta minyak dan gas.

Dalam bidang teknologi maklumat, fokus utama TH melalui anak syarikatnya, Theta Edge Berhad adalah empat kompetensi utama iaitu sistem pe nyepadan penyelesaian sistem, pengagihan produk, pembangunan aplikasi dan harta intelek serta pembekal perkhidmatan.

Dalam industri minyak dan gas pula, TH melabur di dalam TH

Marine Sdn Bhd, TH Alam Holdings (L) Inc dan TH Heavy Engineering Berhad. Melalui anak syarikat berkenaan, TH memiliki beberapa kapal sokongan di luar persisiran pantai yang sesuai digunakan di laut dalam.

Dana terkumpul TH kini mencapai lebih RM40 bilion. Sepanjang tujuh tahun iaitu sejak 2006 hingga 2012, TH memberikan ganjaran bonus memberangsangkan dengan kadar purata 5.9 peratus.

Kadar bonus diberikan TH pada 2012 ialah 6.5 peratus dengan tambahan 1.5 peratus sempena sambutan Jubli Emasnya. Kadar ini adalah selepas pembayaran zakat.

Tanggungjawab korporat

Penjanaan keuntungan membolehkan TH berkongsi dengan pihak berkepentingan dan memainkan peranan meningkatkan sosio-ekonomi ummah melalui program tanggungjawab sosial dengan yang terbesar dan utama TH ialah pemberian subsidi kos haji.

Kos ditanggung jemaah tidak dinaikkan sejak 2009 dan kekal sehingga kini pada RM9,980 bagi seorang jemaah. Kos keseluruhan subsidi yang ditanggung TH bagi lima tahun terdahulu adalah RM54 juta (2009), RM65 juta (2010), RM105 juta (2011), RM104 juta (2012) dan RM93 juta (2013).

Selain itu, TH turut melaksanakan program tanggungjawab sosial tahunannya seperti membantu asnaf, membantu keperluan persekolahan pelajar mis-

kin, membantu golongan asnaf mendapatkan penginapan dan fasiliti yang selesa dan sumbangan peralatan kesihatan kepada hospital terpilih serta golongan yang menghadapi penyakit yang kronik seperti bantuan rawatan haemodialisis.

Untuk memastikan TH terus relevan pelbagai inovasi dan penambahbaikan dilaksanakan untuk manfaat pendeposit. Jika dulu pendeposit perlu berurus hanyanya di kaunter, namun kini, capaian perkhidmatan setanding dengan sektor perbankan lain.

Kerjasama strategik dengan Bank Islam Berhad, Bank Rakyat dan Maybank Islamic membolehkan pendeposit membuat transaksi pengeluaran, simpanan dan semakan melalui capaian Automated Teller Machine (ATM), Cash Deposit Machine (CDM), uniteller di 360 cawangan bank berkenaan di seluruh negara selain perkhidmatan atas talian myTakaHaa.

50 tahun penubuhannya, TH terus berdiri megah mengecapi pelbagai kejayaan dan mencipta prestasi yang cemerlang dalam perniagaannya. TH memperoleh reputasi dan kepercayaan tinggi daripada Kerajaan dan khususnya umat Islam di Malaysia serta meraih pelbagai pengiktirafan di peringkat lokal dan global.

TH beriltizam untuk terus melaksanakan penambahbaikan di dalam pengurusan haji dan tabungan serta penerokaan bidang pelaburan baharu. Melalui penerokaan ini, TH terus gah berdiri sebagai ikon Institusi Kewangan.

Headline	Melestari ekonomi ummah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	5	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	755 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,463
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,389



Sektor perladangan memberikan pulangan memberangsangkan kepada perolehan TH.

